

MCA tetap mahu Kajang, selar KJ

MalaysiaKini.com

Jan 29, 2014

MCA akan tetapi mewakili BN di Kajang dan Pemudaanya hari ini mengingatkan Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin supaya tetap menghormati semangat kebersamaan dalam gabungan 14 parti itu.

“Kita mempunyai matlamat sama, tetapi (Khairy) tidak patut secara terbuka berkata ia tidak akan mengikut formula lama (pemilihan calon),” kata Ketua Pemuda MCA Chong Sin Woon.

“Dia (Khairy) jelas kata (Kajang) tidak semestinya akan ditandingi oleh MCA,” kata Chong dalam sidang media hari ini.

Pemuda Umno semalam mahukan BN memilih [calon terbaik](#) berdepan dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang dan ia tidak semestinya daripada MCA.

Justeru, ketua pergerakan itu Khairy Jamaluddin berharap BN tidak terikat dengan formula lama antara komponennya di DUN itu.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <http://www.malaysiakini.com/news/253095>